

NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan kayu ukur yang dipakai oleh Pejabat PM dalam mengeluarkan kenyataan media segera sepetimana di akhir kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, berbanding dengan kes-kes yang lebih melibatkan kepentingan orang ramai seperti kes Altantuya Shariibuu dan kes Koperal Sirul Azhar yang melarikan diri ke Australia dan lain-lain.

JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, keputusan perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah ditetapkan tarikhnya. Sebagaimana kita maklum, kes ini mendapat liputan meluas media termasuk media antarabangsa.
2. Pejabat Perdana Menteri telah mengambil pendekatan menyediakan kenyataan lebih awal agar apa sahaja keputusan yang dibuat, kenyataan pihak Kerajaan dapat disiarkan secepat mungkin oleh media.
3. Pendekatan ini adalah amalan yang biasa bagi isu yang melibatkan kepentingan umum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 40

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan kompaun yang telah dikeluarkan dan jumlah denda yang dikutip oleh JPJ dalam operasi ke atas plat nombor kereta yang lepas. Apakah Kementerian akan mengkaji semula garis panduan plat nombor kereta tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah saman yang dikeluarkan bagi kesalahan nombor pendaftaran kenderaan dalam operasi khas yang telah dijalankan dari 1 November 2014 sehingga 31 Januari 2015, adalah sebanyak 12,161 kes. Manakala jumlah kutipan saman bagi kesalahan tersebut dalam tempoh yang sama adalah sebanyak RM810,300.00.

Tuan Yang di-Pertua,

Tatacara dan garis panduan pemakaian plat nombor pendaftaran pada kenderaan dan spesifikasi plat nombor pendaftaran telah dinyatakan dengan jelas dalam Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959. Pematuhan spesifikasi tersebut juga menjadi syarat bagi Kelulusan Jenis Kenderaan (*Vehicle Type Approval*) terhadap model-model baharu kenderaan yang hendak didaftarkan di Malaysia. Walaubagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji dan menambahbaik peraturan nombor pendaftaran kenderaan dari masa ke semasa.